

Wajar larang rakyat Israel masuk Malaysia

BH - 23/11/2019 m/s: 4

Malaysia tidak akan membenarkan rakyat negara penjenayah seperti Israel memasuki negara, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keputusan Malaysia tidak membenarkan atlet Israel bertanding dalam kejohanan Renang Para Dunia 2019 di Kuching, Sarawak, Julai ini adalah tindakan wajar.

“Kita punyai hak untuk menerima atau menolak kemasukan mana-mana rakyat luar ke dalam negara, sama seperti diumumkan negara lain.

“Seperti Amerika, mereka kini bina tembok tinggi untuk menghalang warga Mexico keluar dari negara mereka.

“Mereka yang tidak diingini di negara ini mesti dihalang dan ini termasuk mereka yang disyaki penganas dan sebagainya,” katanya pada sidang media wartawan tempatan dan Malaysia bagi mengakhiri lawatan kerja tiga harinya di sini, semalam.

Dr Mahathir menegaskan, atlet yang dihalang berkenaan datang dari negara yang mencero boh negara lain dengan membina penempatan untuk rakyatnya.

“Mereka mencero boh kapal yang membawa bantuan kemanusiaan untuk penduduk Gaza. Banyak lagi perbuatan yang dilakukan oleh Israel menyalahi undang-undang dunia dan bertentangan dengan moral dan hak asasi,” katanya.